

BAB PERTAMA

KONSEP CERAI TA'LIQ MENURUT HUKUM SYARAK

Pendahuluan

Pembubaran ikatan perkahwinan dalam Islam boleh berlaku melalui pelbagai cara. Salah satu daripadanya adalah melalui lafaz 'ta'liq'. 'Ta'liq talak' adalah suatu istilah yang tidak lagi asing kepada masyarakat Melayu di Malaysia. Ia merupakan suatu istilah yang boleh mengakibatkan terputusnya ikatan perkahwinan secara tidak langsung. Berbeza dengan lafaz talak secara langsung di mana talak akan jatuh sebaik sahaja melafazkannya. Manakala talak secara ta'liq akan jatuh apabila berlaku perkara yang dita'liqkan, sama ada disedari oleh pasangan terbabit ataupun tidak. Ini bererti bagi seorang suami sama ada secara betul-betul atau main-main untuk menceraikan isterinya melalui penetapan syarat ta'liq maka kesannya akan terlaksana.

1.1 Pengertian Cerai Ta'liq

Istilah 'ta'liq' berasal dari Bahasa Arab disebut sebagai '*'allaqa, yu'alliqu, ta'līqan*'. Pengertiannya pada bahasa ialah gantung atau sangkut. Sebagai satu istilah hukum Fiqh, ia bererti mengaitkan berlakunya sesuatu hal dengan sesuatu syarat yang ditetapkan.¹

Pengertian ta'liq dalam konteks perceraian dierti sebagai mengaitkan jatuh talak apabila terjadi atau berlaku syarat yang dilafazkan. Contohnya seperti

kata-kata suami kepada isterinya, "sekiranya engkau pulang ke rumah bapamu akan tercerailah engkau." Apabila si isteri pulang ke rumah bapanya, maka jatuhlah talak seperti yang dilafazkan.

*

Cerai ta'liq juga biasa disebut dalam bahasa Arab *al-talāq al-mu'allaq*. Iaitu sesuatu yang berlaku akibat daripada terjadinya perkara yang ditetapkan pada masa akan datang dengan salah satu perkataan penyambung syarat (*adāh al-syari'*). Umpamanya seorang suami berkata kepada isterinya. "Sekiranya engkau masuk ke dalam rumah seorang lelaki engkau akan diceraikan."²

Sesetengah *fugahā'*³ menganggap ta'liq talak sebagai sumpah dengan talak iaitu disebut sebagai (*al-yamīn bi al-talāq* atau *al-halaf bi al-talāq*). Sumpah yang dimaksudkan dikenali juga sebagai sumpah secara tidak langsung (*yamīnan majāzan*) kerana ta'liq pada hakikatnya adalah suatu penetapan syarat dan pelaksanaan sumpah itu berlaku secara tidak langsung bergantung kepada apa yang dilafazkan sama ada mengandungi makna sebab musabbab (*sababiyyah*), atau persamaan sumpah dengan makna yang memang difahami (*mafhūm*). Sama ada berbentuk dorongan atau halangan atau merealisasikan apa yang dilafazkan.

Terdapat juga antara *fugahā'* yang membahagikan lafaz ta'liq kepada dua bentuk iaitu ta'liq secara berlafaz (*lafzī*) dan ta'liq secara tersirat (*ma'nawī*).⁴ Contoh lafaz ta'liq secara berlafaz, kata suami kepada isterinya "Sekiranya engkau keluar dari rumah ini tanpa izin saya maka engkau saya ceraikan." Ta'liq secara tersirat sama maksudnya dengan sumpah dengan talak. Ia bertujuan sebagai dorongan atau menguatkan keazaman untuk melakukan sesuatu perbuatan

pada masa akan datang atau meninggalkannya atau bertujuan melaksanakan sumpah talak yang dilafazkannya dengan cara melakukan sesuatu atau meninggalkan sesuatu perbuatan. Contohnya suami bersumpah "Aku akan menjatuhkan talak." atau "Akan jatuh talak sekiranya aku musafir hari ini." Dalam contoh-contoh tersebut tidak mengandungi perkataan penyambung syarat atau kata syarat, namun ia tetap sah kerana ia mengandungi makna yang jelas menggantungkan syarat dan ia boleh membawa pengertian (*adāh al-syart*) umpamanya lafaz tersebut boleh memberi makna "talak menjadi kemestian bagiku sekiranya aku musafir esok." atau memberi erti "Sesungguhnya sekiranya aku musafir esok maka isteriku akan aku ceraikan."

Kenyataan yang tersebut di atas menunjukkan ta'liq talak boleh dibahagikan kepada dua bentuk bergantung kepada lafaz yang diucapkan oleh suami. Iaitu ta'liq talak yang memang diucapkan oleh suami dengan niat untuk menceraikan isterinya dan yang kedua ta'liq talak yang diucapkan oleh suami bertujuan untuk membaiki tingkah laku atau perangai isterinya. Perbezaan ucapan ta'liq tersebut boleh memberi kesan hukum yang berbeza bagi sesetengah *fuqahā'*. Persoalan ini akan dibincangkan kemudian.

1.2 Kata Syarat bagi Lafaz Ta'liq

Lafaz ta'liq merupakan kata-kata yang diucapkan oleh suami bagi maksud jatuh talak apabila berlaku perkara yang dita'liqkan menggunakan salah satu daripada kata syarat berikut:⁵

- i. Sesiapa (*man*); Contohnya, “Sesiapa sahaja daripada kawan engkau masuk ke rumah ini, jatuhlah talak ke atas engkau.”
- ii. Jika (*in*); Contohnya, “Jika engkau keluar rumah tanpa izinku jatuhlah talak ke atas kamu.”
- iii. Apabila (*idhā*); Contohnya, “Apabila sampai kawan engkau ke sini, jatuhlah talak ke atas kamu.”
- iv. Manakala (*matā*); Contohnya, “Manakala masuk sahaja kawan engkau ke dalam rumah ini, jatuhlah talak ke atas engkau.”
- v. Tiap-tiap kali (*kullamā*); Contohnya, “Tiap-tiap kali jatuh talakku ke atas engkau, jatuhlah talak ke atasmu lagi satu.”
- vi. Pada mana-mana (*ayyu*); Contohnya, “Pada mana-mana waktu kawan engkau tiba kelak, jatuhlah talak ke atas engkau.”

Penetapan syarat dalam ta'liq talak adakah merupakan perkara yang boleh dipilih (*amr ikhtiyārī*) dan kadang kala merupakan perkara yang tidak boleh dipilih (*amr ghayr ikhtiyārī*).⁶ Contohnya, suami berkata kepada isterinya, “Apabila terbit matahari engkau aku ceraikan.” atau “Sekiranya anak perempuan dilahirkan, engkau aku ceraikan.” Manakala perkara yang boleh dipilih contohnya yang bersangkutan dengan perbuatan suami. Umpamanya seorang suami berkata kepada isterinya, “Sekiranya aku tidak masuk ke dalam rumah ini maka engkau

aku ceraikan.” atau “Sekiranya aku musafir pada hari ini engkau aku ceraikan.” Adakalanya pula ia bersangkutan dengan perbuatan isteri. Contohnya, suami berkata kepada isterinya, “Sekiranya engkau pergi ke rumah lelaki itu, engkau aku ceraikan.” atau “³ Sekiranya engkau bercakap dengan lelaki itu, engkau aku ceraikan.” Adakalanya pula bersangkutan dengan perbuatan orang lain. Contohnya, suami berkata kepada seseorang, “sekiranya engkau musafir maka aku ceraikan isteriku.”

1.3 Contoh-contoh Lafaz Ta'liq dalam Kitab-Kitab Fiqh

Terdapat berbagai-bagai jenis lafaz ta'liq telah dibincangkan oleh *fuqahā'* dalam kebanyakan kitab-kitab fiqh lama. Khususnya lafaz ta'liq berkaitan dengan meninggalkan rumah, melahirkan anak, haid atau mengandung. Antaranya Imam al-Nawawi menyenaraikan contoh-contoh lafaz ta'liq berikut;⁷

- i. “Apabila awak suci, maka awak saya ceraikan.”
- ii. “Sekiranya awak datang haid, maka awak saya ceraikan.”
- iii. Suami berkata kepada dua orang isterinya serentak, “Sekiranya awak berdua datang haid, maka awak berdua saya ceraikan.”
- iv. “Sekiranya saya tidak dapat membuatkan awak mengandung, maka awak saya ceraikan.”
- v. “Sekiranya awak melahirkan seorang bayi lelaki, maka awak saya ceraikan.”
- vi. “Apabila saya melihat anak bulan Ramadan, awak saya ceraikan.”

Muhammad al-Syarbīnī al-Khaṭīb dalam *Mughnī al-Muhtāj*, antaranya menyenaraikan contoh-contoh berikut:⁸

- i. "Awak saya ceraikan pada awal bulan hadapan."
- ii. "Sekiranya awak mengandung, maka awak saya ceraikan."
- iii. "Sekiranya awak datang haid maka awak saya ceraikan."
- iv. "Jika awak keluar pada malam ini, maka awak saya ceraikan."

Dalam Kitab *Hāsyiyah I'ānah al-Tālibīn* menyebut contoh-contoh berikut:⁹

- i. "Apabila kamu berikan saya seribu, maka awak saya ceraikan."
- ii. "Sekiranya saya pukul awak tanpa sebarang dosa, maka awak saya ceraikan."
- iii. "Awak saya ceraikan pada bulan sekian atau pada awalnya, atau pertengahannya atau akhirnya."

Terdapat banyak lagi contoh lafaz ta'liq yang disebutkan oleh *fuqahā'* dalam kitab-kitab fiqh yang membincangkan hukum bagi setiap keadaan yang disebutkan dalam ta'liq. Namun kebanyakannya hampir sama dengan contoh-contoh yang telah disebutkan.

Hampir keseluruhan contoh lafaz ta'liq tersebut tidak menunjukkan sebarang kepentingan bagi suami dalam menceraikan isteri. Ia seolah-olah lafaz talak secara biasa dan hanya digantungkan dengan sesuatu syarat. Hal ini juga menunjukkan seolah-olah si suami memang sudah berhajat untuk menceraikan isteri. Hanya satu contoh dari kitab *Hāsyiyah I'ānah al-Tālibīn* menunjukkan kepentingan suami menceraikan isteri secara ta'liq bertujuan mengawal dirinya

agar tidak memukul isteri. Lafaz sebegini agak bersamaan dengan *ṣighāh* ta'liq yang ada di negeri-negeri di Malaysia sekarang.

3

1.4 Pembahagian Lafaz Talak Menurut *Jumhūr Fuqahā'* dan Ibn Taymiyah

Dalamuraian mengenai jenis-jenis lafaz talak, *Jumhūr Fuqahā'* dan Ibn Taymiyah telah membuat pembahagian yang berbeza. Perbezaan jenis-jenis lafaz talak akan memberi kesan hukum yang berbeza. Lafaz talak sebagaimana yang telah dibincangkan oleh *Jumhūr fuqahā'* boleh dibahagikan kepada dua:¹⁰

- i. Talak mutlak (*al-talaq al-mutlaq*). Contohnya, suami berkata kepada isterinya, "Awak saya ceraikan." dan seumpamanya dengan lafaz-lafaz *sarīh* atau *kināyah* yang lain.
- ii. Talak tergantung (*al-talaq al-muqayyad* / *al-talaq al-mu'allaq*). Ia terbahagi pula kepada dua iaitu;
 - a) digantung dengan syarat sebagaimana kebanyakan contoh yang telah disebutkan .
 - b) digantungkan dengan lafaz wajib (*lāzim*) contohnya suami berkata, " Talak menjadi kewajipan ke atasku sekiranya berlaku sekian-sekian perkara." Lafaz-lafaz sebegini adalah sumpah dengan talak secara simbolik (*majāz*) kerana ia mengandungi maksud sumpah dengan nama Allah. Ia dikira jatuh talak apabila berlaku syarat yang disebutkan dalam lafaz sepetimana wajib bayar *kifārah* bagi orang yang bersumpah dengan nama Allah.

Pembahagian lafaz talak sebagaimana di atas telah dibincangkan oleh Ibn Rusyd dan telah disepakati oleh *jumhūr fuqahā'*.¹¹ Ibn Taymiyah sebaliknya tidak sependapat dengan *jumhūr fuqahā'*. Beliau membahagikan lafaz talak kepada tiga, iaitu:¹²

- i. Talak secara langsung (*Sīghah al-tanjīz*) sebagaimana contoh lafaz talak yang telah disebutkan sama ada secara *sarih* atau *kināyah*.
- ii. Talak secara sumpah (*Sīghah al-qasam*) contohnya “Talak menjadi wajib atas ku (aku bersumpah akan menjatuhkan talak) sekiranya isteriku melakukan perbuatan sekian sekian atau tidak melakukan sekian-sekian...” ia bertujuan menguatkan kenyataan atau menggesa melakukan sesuatu atau meninggalkan sesuatu.
- iii. Talak secara ta’liq (*Sīghah al-ta’liq*) iaitu sebagaimana kebanyakan contoh yang telah disebutkan mengandungi syarat-syarat yang digantungkan tanpa menggunakan lafaz *qasam*. Ia bertujuan menceraikan isteri bila berlaku perkara yang disyaratkan.

Sebagaimana perbezaan pembahagian lafaz talak maka begitu juga masing-masing memberi kesan hukum yang berbeza mengikut pandangan mazhab masing-masing.

1.5 Syarat-syarat Sah Ta'liq

Pensabitan cerai ta'liq perlu merujuk kepada syarat-syarat tertentu. *Fuqahā'* telah menetapkan beberapa syarat untuk menentukan sama ada sah atau tidak lafaz ta'liq yang diucapkan. Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:¹³

- i. Lafaz ta'liq hendaklah disandarkan kepada sesuatu yang belum ada. Apabila digantungkan dengan perkara yang telah ada maka talaknya jatuh pada saat talak diucapkan. Misalnya seseorang mengatakan "Kalau matahari terbit, maka engkau tertalak." Padahal matahari sudahpun terbit, maka jatuh talaknya meskipun dalam bentuk ta'liq.

Tidak jatuh talak dengan menggunakan perkataan Insya Allah menurut pandangan kebanyakan *fuqahā'* kecuali Hanbali sebagaimana pandangan Ibn Abbās. Contoh sekiranya suami berkata, "Akan saya talak isteri saya Insya Allah."¹⁴

- ii. Hendaklah dita'liqkan kepada sesuatu perkara yang berkemungkinan ada atau berlaku. Apabila digantungkan kepada sesuatu yang mustahil atau tidak mungkin dianggap main-main (*mulghāh*). Misalnya suami berkata kepada isterinya, "Kalau ada unta yang dapat menembusi lubang jarum, maka engkau saya talakkan."

iii. Hendaklah suami yang sah dan mempunyai sifat keahlian atau kelayakan ketika mengeluarkan kata-kata ta'liq. Ini bererti suami yang mempunyai kuasa menjatuhkan talak ke atas isterinya, bukan seorang yang gila, mabuk atau dipaksa.

iv. Isteri yang ditujukan lafadz ta'liq itu adalah isterinya yang sah (*ahl al-talaq*) pada masa berlakunya perkara yang di ta'liqkan itu. Jika perempuan itu bukan isterinya yang sah pada masa perkataan ta'liq dilafazkan, maka tidak memberi kesan apa-apa (*mulghâh*). Umpamanya jika seorang suami berkata kepada seorang perempuan *ajnabiyyah* (perempuan asing yang belum menjadi isterinya), "Jika kamu bercakap dengan lelaki itu kamu saya ceraikan." Ta'liq ini tidak ada kesannya.

Namun syarat ini tidak diterima pada pandangan mazhab Hanafi dan Maliki. Mereka berpendapat ta'liq talak untuk berkahwin dibolehkan iaitu sah dan jatuh talak, jika berlaku perkahwinan. Sekiranya seorang lelaki berkata kepada perempuan *ajnabiyy* "sekiranya saya kahwin dengan kamu, maka kamu saya ceraikan." Kemudian dia benar-benar berkahwin dengan perempuan itu tidak jatuh talak pada pandangan mazhab Syaf'i dan Imam Ahmad kerana kata-kata itu dianggap sia-sia, tetapi jatuh talak pada pandangan mazhab Hanafi kerana setiap ta'liq talak pada pandangannya adalah sumpah.¹⁵

v. Ungkapan ta'liq hendaklah ditujukan kepada isteri yang masih dalam ikatan perkahwinan dan masih dalam kekuasaan suaminya (*mâhal al-talaq*). Jika dita'liq talak, sedangkan perempuan itu bukan dalam kekuasaannya untuk diceraikan, maka tidak jatuh talak. Misalnya dia melafazkan ta'liq talak kepada

jandanya yang telah ditalak tiga semasa dia masih dalam iddahnya, maka ta'liq itu tidak sah. Demikian juga jika berlaku perkara yang dita'liqkan, sedangkan isterinya pada masa itu telah menjadi perempuan asing baginya. Misalnya suami berkata kepada isterinya, "Jikalau kamu memasuki rumah fulan kamu tercerai." Kemudian dia menceraikannya secara secara langsung (*munjizah*). Setelah berlalu tempoh iddahnya, barulah perempuan tersebut memasuki rumah berkenaan, maka cerai ta'liq yang dahulu tidak jatuh kerana perempuan itu sebenarnya telah menjadi *ajnabiyyah* yakni bukan isteri di bawah kekuasaannya.¹⁶

Beginu juga sekiranya suami berta'liq dengan sesuatu kepada isterinya kemudian dia menceraikan isterinya dengan talak tiga. Setelah selesai iddah, isterinya berkahwin lain dan suami keduanya telah menceraikannya kemudian bekas suami pertamanya berkahwin semula dengannya dan berlaku perkara yang dita'liqkan pada perkahwinannya yang pertama dulu, tidak jatuh talak. Oleh sebab itu juga tidak disyaratkan kekal perkahwinan.¹⁷

Suami atau orang yang menta'liqkan talak (*al-mu'alliq*) tidak disyaratkan menjadi suami yang layak menceraikan (*ahl al-talāq*) pada masa berlaku perkara yang dita'liqkan. Misalnya suami menta'liqkan sesuatu perkara untuk menceraikan isterinya, kemudian suami gila, manakala perkara yang dita'liqkan berlaku pada masa itu, maka tetap jatuh talak kerana sebelum gila, suami mempunyai syarat yang cukup untuk menjatuhkan talak. Oleh itu *sighah* ta'liq yang dahulu masih memberi kesan kerana ia mencukupi syarat-syarat yang dikehendaki.¹⁸

1.6 Pandangan *Fuqahā'* Terhadap Hukum Cerai Ta'liq

Terdapat perbezaan pendapat di kalangan *fuqahā'* di dalam menjawab atau menentukan hukum terhadap persoalan cerai ta'liq. Perbezaan pendapat di kalangan mereka pada umumnya boleh dibahagikan kepada tiga golongan.

1.6.1 Pandangan Golongan Pertama

Golongan pertama ini terdiri daripada *jumhūr fuqahā'* iaitu imam-imam empat mazhab seperti Hanafī, Maliki, Shafī'i, Hanbali¹⁹ dan pengikut-pengikut mereka.²⁰ Golongan ini berpendapat ta'liq talak adalah suatu perkara yang diharuskan. Bermakna sekiranya seorang suami telah melafazkan ta'liq talak ke atas isterinya kemudian perkara yang disebut di dalam ta'liq itu berlaku sepetimana yang dita'liqkan, maka jatuhlah talak ke atas isteri tersebut dengan beberapa talak mengikut apa yang disebutkan di dalam ta'liq yang dilafazkan. Mereka tidak membezakan sama ada ta'liq talak secara sumpah atau ta'liq dengan syarat. Kedua-duanya jatuh talak.

1.6.2 Pandangan Golongan Kedua

Golongan kedua berpendapat ta'liq talak tidak berbangkit, lanya sia-sia dan tidak memberi apa-apa kesan terhadap ikatan perkahwinan. Ini bererti tidak jatuh talak yang dilafazkan secara ta'liq. Golongan ini terdiri dari 'Alī bin Abī Ṭalib, Syurayh, Ṭawus, 'Ikrimah, 'Atā', Abī Thūr, Ibn Hazm, Dawud al-Zahiri,

dan beberapa ulama yang sependapat dengan mereka seperti al-Syiekh Mahmud Shaltūt, Dr. 'Abdul Salam Madkūr, dan lain-lain.²¹

Pendapat golongan kedua ini telah diterima oleh penggubal undang-undang kekeluargaan Islam di beberapa buah negara umat Islam di Timur Tengah seperti Mesir dan disebut di dalam undang-undang tersebut bahawa ta'liq talak adalah tidak sah dan tidak mempunyai sebarang kesan.²²

1.6.3 Pandangan Golongan Ketiga

Golongan ketiga iaitu Ibn Taymiyah dan muridnya Ibn Qayyim mengatakan bahawa hukum sesuatu ta'liq talak bergantung kepada niat dan kemahuan seseorang. Sekiranya si suami ada niat untuk menceraikan isterinya, maka jatuhlah talak setelah si isteri memenuhi kehendak perkara yang dita'liqkan oleh suaminya. Tetapi jika suami tidak ada niat untuk menceraikan isterinya dan sekadar untuk menakut-nakutkan isterinya maka talak tidak akan jatuh kerana ta'liq sebegini dikira sebagai sumpah dan diwajibkan *kifārah*. Orang yang melafazkan ta'liq wajib membayar *kifārah* sumpah. Jika perkara yang dijanjikan itu nyata terjadi, ia hendaklah membayar kifārah dengan memberi makan sepuluh orang miskin, akau memberi pakaian kepada mereka. Jika tidak berkuasa, diwajibkan berpuasa selama tiga hari.²³

Ibn Taymiyah dalam kitabnya *al-Fatāwā al-Kubrā*²⁴ menjelaskan pandangannya secara terperinci berkenaan dengan lafaz talak. Beliau membezakan antara lafaz talak secara sumpah dan secara ta'liq dengan syarat.

Kedua-duanya menghasilkan hukum yang berbeza bergantung kepada niat orang yang melafazkannya. Jika lafaz talak menggunakan lafaz sumpah (*qasam*), tidak jatuh talak tetapi wajib membayar *kifārah* sumpah tidak kira sama ada dengan niat ataupun tidak.

Berbeza pula dengan lafaz talak secara ta'liq dengan syarat, ia boleh mengakibatkan tiga hukum yang berbeza bergantung kepada niat orang yang melafazkannya. Pertama, sekiranya dengan niat sumpah, maka hukumnya seperti hukum talak dengan lafaz sumpah iaitu wajib membayar *kifārah* sumpah. Kedua, sekiranya dengan niat untuk menjatuhkan talak, maka tetap jatuh talak bila berlaku syarat yang disebutkan. Ketiga, jika dengan niat untuk menghalang isteri dari melakukan sesuatu perkara, maka dilihat kepada keadaan mana yang lebih ditegah oleh syarak atau lebih buruk akibatnya. Jika talak itu lebih ditegah atau lebih mendatangkan akibat buruk, maka tidak jatuh talak bahkan diwajibkan membayar *kifārah* sumpah. Sebaliknya jika syarat atau perbuatan yang disebut dalam syarat itu lebih ditegah berbanding dengan talak, maka jatuhlah talak jika berlaku syarat yang disebut.

Penjelasan di atas menunjukkan perbezaan pandangan yang ketara di antara Ibn Taymiyah dengan *jumhūr fuqahā'* dalam soal sumpah dengan talak. Persoalan ini juga telah dijelaskan secara terperinci oleh Ibn Rusyd.²⁵

1.7 Hujah dan Alasan Setiap Golongan terhadap Hukum Cerai Ta'liq

Sebelum dinyatakan alasan-alasan bagi setiap golongan, perlu dijelaskan bahawa pada asasnya tidak didapati nas secara khusus dari al-Qur'an atau al-sunnah yang secara jelas menunjukkan keharusan cerai ta'liq. Meskipun perbahasan mengenainya diulas dengan panjang lebar oleh semua mazhab muktabar, namun hujah dari nas syarak tidak dijelaskan secara terperinci mengikut kelaziman dalam perbahasan-perbahasan yang serius seperti ini.

1.7.1 Alasan Golongan Pertama:

Pendapat golongan pertama mengatakan cerai ta'liq sah dan jatuh apabila terlaksana kandungan ta'liq. Golongan ini berpegang kepada beberapa alasan daripada al-Qur'an dan al-sunnah.

Dalil dari al-Qur'an

Firman Allah s.w.t.

يَأَيُّهَا أَكْلِمَةُ الْبَرِّ إِذْ أَنْتُمْ مُؤْمِنُونَ أَوْفُوا بِمَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَلَا تُنْسِدُوهُمْ

bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman tunaikanlah janji-janjimu (ikatan atau persetujuan yang telah dimeterikan)."

Surah al-Maidah (5) : 1

Mereka menggunakan ayat tersebut sebagai dalil (*istidlal*) dengan mengamalkan penafsiran perkataan (*awfū*) yang bermaksud menunaikan sesuatu dengan sempurna tanpa sebarang kekurangan dan perkataan (*al-'uqūd*) adalah perkataan yang menunjukkan makna banyak (*jama'*) dan asal perkataan satunya (*mufrad*) adalah akad. Akad pula dikatakan akad sumpah dan akad nikah bagi maksud memeteraikan perjanjian.²⁶

Oleh kerana itu menurut golongan ini ta'liq talak adalah suatu akad, suatu janji yang telah dimeteraikan, maka wajiblah ditunaikan janji itu dengan sempurna tanpa ada sebarang kekurangan. Apa yang difahami (*mafhūm*) daripada ayat tersebut pada golongan ini bahawa, umat Islam yang melafazkan ta'liq talak adalah orang yang memeteraikan janji dengan isterinya. Janji itu adalah syarat yang mesti dipatuhi kerana hukum menunaikan janji adalah wajib maka wajiblah memenuhi lafadz talak secara ta'liq. Oleh yang demikian ta'liq talak adalah sah dan wajib dipatuhi. Menurut Ibn Rusyd, akad termasuk akad sumpah (*yamīn*) atau nazar dan sebarang bentuk akad atau kontrak menurut syarak.²⁷

Mereka juga berhujah dengan dalil lafadz mutlak dalam ayat yang menunjukkan pensyariatan talak kepada suami seperitiman firman Allah s.w.t:

الْطَّلَقُ مَرَّتَانِ فَإِمْسَاكٌ بِعَمْرَوْبِ أَوْ تَشْرِيْحٌ بِإِحْسَنٍ

bermaksud:

"Talak itu dua kali (dua talak dahulu, selepas itu hendaklah) dipegang (perkahwinan) secara baik ataupun dilepaskan dengan baik juga."

Surah al-Baqarah (2) : 229

Bagi golongan ini tidak membezakan antara talak secara langsung (*munjiz*) atau tergantung (*mu'allaq*) dan tidak dikaitkan (*taqyid*) jatuhnya talak dengan sesuatu. Maka suami berhak menjatuhkan talak mengikut kehendaknya sama ada secara lansung atau tergantung atau secara sumpah dan seumpamanya.²⁸

Dalil dari al-sunnah

Hadith Rasulullah s.a.w yang diamalkan oleh golongan ini sebagai hujah menunjukkan hukum keharusan berta'liq adalah sabda baginda s.a.w:²⁹

الْمُسْلِمُونَ عِنْدَ شُرُوطِهِمْ

bermaksud:

“Orang-orang Islam hendaklah mematuhi syarat-syarat yang dipersetujui bersama mereka.”

Berdasarkan hadith tersebut, mereka berhujah dengan dalil mengatakan bahawa ta'liq talak merupakan suatu syarat yang dikaitkan dengan sesuatu perkara. Ta'liq talak perlu diambil kira dan mestilah disempurnakan mengikut apa yang dita'liqkan. Oleh kerana itulah ta'liq talak adalah sah dan mempunyai kesan sebagaimana yang dita'liqkan. Hadith ini dikuatkan dengan pandangan sahabat sebagaimana yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w:

إِذَا عَلِقَ الْعَلَاقُ بِشَرْطٍ لَا يَسْتَحِيلُ كَذُخُولِ الدَّارِ وَمَحِىِ الشَّهْرِ تَعْلَقُ بِهِ
فَإِذَا وُجِدَ الشَّرْطُ وَقَعَ.

“Apabila dita'liq talak dengan sesuatu syarat yang tidak mustahil berlakunya, seperti masuk ke dalam rumah, kedatangan bulan baru, maka tergantunglah talak tersebut dengan perkara

yang dita'liqkan itu. Apabila berlaku syarat tersebut, maka jatuhlah talak. Jika tidak didapati maka tidak jatuh.³⁰

Ini menjelaskan tentang kepentingan syarat. Apabila telah dibuat syarat, maka wajib ditunaikan. Syarat itu sebenarnya suatu janji yang dimeteraikan. Janji itu mestilah dipatuhi sebagaimana yang dipersetujui sesama mereka. Hadith tersebut juga menjadi dalil utama mazhab Syafi'i dalam pegangan hukum keharusan berta'liq.

Dalil Akal (*aql*)

Suami diberi kuasa secara mutlak untuk menjatuhkan talak. Tidak terdapat dalil yang mengikat (*taqyid*) untuk dipakai. Suami berhak untuk menjatuhkan talak dengan apa keadaan sekalipun. Sama ada secara *tanjiz* atau ta'liq. Sebagaimana telah berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w, apabila ditanya kepada Rasulullah s.a.w mengenai talak secara ta'liq, Rasulullah menghukumkan jatuh talak tanpa membezakan antara ta'liq secara sumpah ataupun tidak. Begitu juga berlaku pada zaman sahabat.³¹ Talak secara ta'liq juga dianggap sebagai suatu keperluan sepertimana talak secara langsung (*tanjiz*) khususnya apabila suami berhajat untuk memperbaiki kelakuan isteri. Ia juga bertujuan mengelak isteri dari dianiyai oleh suami.

1.7.2 Alasan Golongan Kedua

Pendapat golongan kedua mengatakan ta'liq talak tidak sah dan tidak memberi apa-apa kesan. Golongan ini terdiri daripada Ibn Hazm, Daud al-Zahiri dan golongan Mazhab Syi'ah Imamiah. Pendapat mereka berpandukan hujah-hujah berikut:

Dalil dari al-Qur'an

Firman Allah s.w.t:

يَتَأْئِهَا النِّسْوَى إِذَا طَلُقْتُمُ الْبَسَاءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِمَدْتَهُنَّ وَأَخْضُوا
الْعِدَّةَ

bermaksud:

"Apabila kamu hendak menceraikan isteri, maka cerailah mereka bagi iddah mereka dan hitunglah iddah sehingga selesai."

Surah al-Talaq (65) : 1

Berdasarkan apa yang difahami daripada ayat tersebut, golongan ini berhujah dengan mengatakan bahawa perkataan talak yang dikehendaki dalam ayat di atas adalah talak yang berlaku pada waktu-waktu tertentu, bukan pada bila-bila masa dan sesuka hati (iaitu ketika isteri dalam keadaan suci). Ini bererti talak hendaklah dirancang dengan baik. Keadaan ini hanya berlaku jika talak itu talak secara langsung dan bukannya talak yang tergantung. Jika talak boleh digantungkan atau disyaratkan seperti dalam ta'liq talak, maka talak jenis ini tidak menentu waktu dan bukan dikehendaki oleh syarak.³²

Contoh yang jelas untuk menerangkan keadaan di atas sepetimana yang terdapat dalam kebanyakan kitab-kitab fiqh yang menerangkan lafaz ta'liq yang disebut oleh suami "Apabila bulan penuh purnama maka tertalaklah kamu." Ta'liq sebegini sekiranya jatuh talak akan menimbulkan masalah kerana waktu berlaku bulan purnama si isteri sama ada dalam keadaan haid atau suci. Kalaualah dia dalam keadaan haid, maka bagaimana pula untuk menghitung iddahnya kerana permulaan hitungan iddah adalah dari waktu suci. Ini menunjukkan bahawa ta'liq sedemikian boleh memungkinkan waktu berlakunya syarat yang dita'liqkan ketika isteri dalam keadaan haid dan jika dikira jatuh talak bererti talak itu tidak diharuskan oleh syarak, maka ianya terbatal dan tidak mempunyai apa-apa kesan.

Golongan ini juga memberi alasan bahawa di dalam al-Qur'an perkataan (*al-talāq*) telah digunakan berkali-kali dalam ayat-ayat lain. Perkataan *al-talāq* dalam ayat-ayat tersebut dapat difahami dengan mudah dari segi bahasa al-Qur'an menunjukkan makna talak yang dikehendaki adalah talak secara langsung. Al-Qur'an tidak pernah membayangkan bahawa talak boleh dita'liqkan. Ianya mestilah jelas dan secara langsung.³³

Dalil dari al-sunnah

Oleh kerana golongan ini menganggap lafaz talak secara ta'liq adalah sumpah, maka bagi mereka sumpah dengan selain daripada Allah tidak diharuskan dan tidak dikira di sisi syarak berdasarkan firman Allah s.w.t:

ذَلِكَ كُفْرٌ إِنْ يَعْلَمُونَ وَأَخْفَقُوكُمْ

أَنْ يَعْلَمُونَ

bermaksud:

“yang demikian itu adalah penebus sumpah-sumpah kamu apabila kamu bersumpah, dan jagalah (peliharalah) sumpah kamu.”

Surah al-Maidah (5) : 89

Berdasarkan dalil ayat tersebut mereka berhujah bahawa sumpah tidak berlaku kecuali yang disuruh oleh Allah s.w.t. Begitu juga dengan talak, ia juga tidak berlaku kecuali sebagaimana yang disuruh oleh Allah. Sumpah dengan talak bukanlah sumpah yang sebenar.³⁴

Hujah mereka juga berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w berkaitan dengan sumpah:³⁵

مَنْ كَانَ حَالَفًا فَلَا يَخْلُفُ إِلَّا بِاللَّهِ

bermaksud:

“Sesiapa yang bersumpah tidak dikira sumpah kecuali dengan nama Allah.”

Mereka berhujah mengatakan bahawa hadith tersebut tidak mencakupi talak yang tergantung (*ta'liq*). Mereka menganggap *ta'liq* talak sebagai sumpah secara simbolik (*majaz*) kerana ia memberi erti sebagaimana maksud sumpah iaitu sebagai dorongan untuk suatu perbuatan atau tegahan atau menguatkan sesuatu.³⁶

Hujah mereka juga bedasarkan *qiyās* kepada pernikahan. Sebagaimana tidak sah ta'liq ke atas nikah, maka tidak sah juga ta'liq ke atas talak tetapi hujah ini ditolak kerana dikira qiyas yang tidak sah (*qiyās ma 'a al-fāriq*).³⁷

3

Dalil Akal ('aql)

Golongan kedua yang terdiri dari Ibn Hazm dan Dawud al-Zāhirī telah berhujah berdasarkan logik dengan menganggap bahawa syarak telah mensyariatkan perkahwinan dengan tujuan untuk bersatu dalam kasih sayang yang berkekalan sepanjang hayat bukan untuk berpisah dan bercerai berai. Sekiranya ta'liq talak sah selepas perkahwinan, maka dengan sendirinya akan membatalkan penyatuan dalam perkahwinan kerana diancam oleh talak yang dilafazkan secara ta'liq sesudah akad. Sekiranya sah ta'liq talak maka ia telah mengubah struktur perkahwinan dari tujuan untuk bersatu kepada tujuan untuk berpisah. Ini juga kerana lafaz ta'liq yang keluar dari mulut suami cuma tergantung-gantung sahaja iaitu tidak secara langsung. Oleh yang demikian ta'liq talak tidak sah dan berlawanan dengan tujuan syarak (*rūh al-tasyrī*) yang mensyariatkan perkahwinan untuk bersatu dalam kasih sayang bukan untuk bercerai atau berpisah.

Mereka mengatakan lagi sekiranya ta'liq talak itu suatu keperluan mengapa digunakan lafaz ta'liq, tidak digunakan lafaz talak secara langsung sepetimana yang diharuskan oleh syarak. Ini menampakkan bahawa ta'liq talak lebih merupakan suatu helah untuk menceraikan isteri dengan berselindung di sebalik ta'liq. Sikap begini tidak sesuai dengan sikap seorang muslim yang

dituntut jujur dan bertanggungjawab. Maka ta'liq tidak boleh dipakai dan ia berlawanan dengan hukum syarak. Oleh itu ianya tidak sah dan tidak memberi apa-apa kesan kepada ikatan perkahwinan.³⁸

3

Alasan lain yang digunakan untuk menyokong pendapat mereka adalah dengan mengaitkan kenyataan bahawa kuasa talak pada asalnya terletak di tangan suami. Ini dinyatakan dengan jelas dalam al-Qur'an dan al-sunnah. Dalam al-Qur'an Firman Allah s.w.t:

الْطَّلَقُ مَرْتَانٌ فَإِمْسَاكٌ بِمَغْرُوفٍ أَوْ شَرِيعَةٌ بِإِحْسَنٍ

bermaksud:

"Talak itu dua kali (dua talak dahulu, selepas itu hendaklah) dipegang (perkahwinan) secara baik atau dilepaskan dengan baik juga."

Surah al-Baqarah (2) : 229

Perkara sebaliknya akan berlaku sekiranya ta'liq talak itu diharuskan. Ini bererti kuasa talak telah bertukar dari suami kepada isteri. Isteri boleh menentukan sendiri sama ada hendak bercerai dengan suaminya ataupun tidak. Kalau dia hendak bercerai dia boleh melanggar perkara yang dita'liqkan oleh suaminya. Keadaan ini telah menyalahi kehendak syarak. Maka ta'liq talak tidak sah kerana telah mengubah struktur talak dari yang dikendaki oleh syarak kepada yang dikehendaki oleh isteri.

1.7.3 Alasan Golongan Ketiga

Pandangan golongan ketiga mengatakan jatuh atau tidak ta'liq talak bergantung kepada niat. Hujah yang dipakai golongan ketiga iaitu Ibn Taymiyah dalam menegakkan pandangannya adalah berdasarkan dalil al-Qur'an, al-sunnah dan alasan akal.³⁹ Dalil dari al-Qur'an yang digunakan adalah ayat-ayat yang berkaitan dengan sumpah (*yamin*) antaranya, Firman Allah s.w.t:

قَدْ فَرِضَ اللَّهُ لَكُمْ تَحْلِيلَ أَيْمَانِكُمْ وَاللَّهُ مَوْلَانَا

bermaksud:

“Sesungguhnya Allah telah menetapkan bagi kamu (wahai Nabi dan umatmu untuk) melaksanakan sumpah kamu dengan membayar denda (*kifarah*).”

Surah al-Tahrim (66) : 2

Antara dalil lain termasuk juga Firman Allah s.w.t:

ذَلِكَ كُفْرٌ إِذَا حَلَفْتُمْ وَأَخْفَطْتُمْ
أَيْمَانَكُمْ

bermaksud :

“yang demikian itu adalah pencebus bagi sumpah-sumpah kamu apabila kamu bersumpah dan jagalah (peliharalah) sumpah-sumpah kamu.”

Surah al-Maidah (5) : 89

Dalil dari al-sunnah

Sabda Rasulullah s.a.w:⁴⁰

مَنْ حَلَّفَ عَلَىٰ يَمِينٍ فَرَأَىٰ غَيْرَهَا خَيْرًا مِّنْهَا فَالْيَتَأْتِي إِلَيْهِ الَّذِي هُوَ خَيْرٌ
وَالْيَكْفُرُ عَنْ يَمِينِهِ

bermaksud:

“Sesiapa yang bersumpah dengan suatu sumpah, kemudian dia dapati yang lain lebih baik maka datangkanlah yang lebih baik itu dan keluarlah dari sumpahnya.”

Hadith ini dijelaskan lagi maknanya dalam dua sahih (Muslim dan Bukhari) menunjukkan makna sumpah (*yamīn*) iaitu merangkumi semua sumpah orang Islam termasuk sumpah dengan talak.

Ibn al-Abbas menerangkan bahawa talak hanya jatuh ke atas orang yang bermaksud untuk menjatuhkannya, dan tidak jatuh ke atas orang yang tidak bertujuan untuk menjatuhkannya. Begitu juga dengan orang bersumpah dan orang yang dipaksa, tidak jatuh talak.⁴¹

Dalil Akal ('aql)

Ibn Taymiyah secara bersendirian mempertahankan pandangannya berdasarkan dalil-dalil naqli sebagaimana yang telah disebut. Manakala hujah berdasarkan dalil akal dengan mengemukakan fatwa yang dikeluarkan pada zaman sahabat berkenaan hukum membayar *kifārah* bagi orang yang bersumpah untuk membebaskan hamba. Beliau mempersoalkan mengapa sumpah sedemikian

tidak harus dilaksanakan sedangkan pembebasan hamba adalah perkara yang amat disukai oleh Allah dan merupakan suatu tanda ketaatan kepada Allah. Beliau mempersoalkan kenapa tidak dikenakan *kifārah* sumpah ke atas orang yang bersumpah dengan talak, bahkan dihukumkan jatuh talak sedangkan talak itu perkara yang dibenci oleh Allah.⁴² Oleh kerana itu beliau berpendapat bahawa jika sumpah berhubung perkara baik hukumnya tidak sah, maka perkara yang tidak disukai Allah seperti talak lebih-lebih lagi tidak sah.

1.8 Antara Jenis-Jenis Ta'liq Talak yang dibincangkan oleh *Fuqaha'*

Beberapa *fuqahā'* silam telah telah membicarakan tentang Lafaz (*sīghah*) talak yang digantungkan dengan kehendak Allah (Insya Allah), mengandung, haid atau dengan masa-masa tertentu seperti awal bulan, pertengahan bulan atau akhir bulan. Bagi setiap keadaan yang disebutkan itu, terdapat pula respon yang berbeza dalam menentukan hukum di kalangan mereka.

1.8.1 Ta'liq dengan Insya Allah

Dalam masalah ini, kadang-kadang lafaz talak digantungkan kepada kehendak Allah (Insya Allah), dan kadang-kadang kepada kehendak makhluk. Kadang-kadang menggunakan syarat, dan adakalanya menggunakan pengecualian. Contoh lafaz talak yang digantungkan dengan kehendak Allah menggunakan syarat adalah suami berkata "Awak, saya talak Insya Allah." Contoh lafaz talak menggunakan perkataan kata syarat (*adāh al-syari'*) berupa pengecualian "Awak saya talak kecuali dengan kehendak Allah (Insya Allah)."

Dalam soal ini, kebanyakan *fugahā'* berpendapat jatuh talak. Imam Malik berpendapat lafaz yang digantungkan kepada Insya Allah dengan menggunakan pengecualian tidak memberi apa apa kesan. Iaitu tetap jatuh talak. Kecuali Abu Hanifah dan Imam Syafi'i mengatakan tidak jatuh talak.⁴³ Manakala lafaz ta'liq yang digantungkan dengan kehendak isteri berbeza pula hukumnya. Contohnya suami berkata kepada isterinya "Awak, saya talak sekiranya awak kehendaki." Dalam soal ini, hukum jatuh atau tidak talak bergantung kepada jawapan isteri. Talak akan jatuh sebaik saja isteri memberi jawapan segera dalam majlis itu sepetimana lafaz *kabul dalam akad nikah*. Sebaliknya jika jawapan itu diberi dalam masa yang lama atau lewat tidak menyebabkan jatuh talak.⁴⁴ Manakala, jika suami berkata "Awak, saya talak bila-bila awak kehendaki" akan menyebabkan jatuh talak walaupun isteri telah beredar dari majlis akad. Ini kerana ia dikira ta'liq kepada perbuatan (*sifah*) tidak perlu kepada jawapan segera kerana ia boleh memberi maksud "pada bila-bila masa awak kehendaki jatuh talak maka awak tertalak."⁴⁵

1.8.2 Ta'liq dengan Kehamilan

Contohnya suami berkata "Sekiranya awak hamil, maka awak saya talak." Sekiranya didapati isteri jelas hamil maka jatuh talak mengikut pandangan Abu Hanifah dan Imam Syafi'i. Tetapi Imam Malik mengatakan jatuh talak secara langsung tidak bergantung kepada berlaku syarat iaitu hamil.⁴⁶

1.8.3 Ta'liq dengan Haid

Contohnya suami berkata “Sekiranya awak datang haid, maka awak saya talak.” Hukumnya jatuh talak pada awal kedatangan haid. Jika dita'liqkan semasa datang haid tidak gugur talak kecuali setelah suci.⁴⁷

1.8.4 Ta'liq dengan Masa Tertentu

Contohnya suami berkata “awak saya talak pada bulan sekian-sekian atau pada pertengahannya atau awalnya atau akhirnya atau bila masuk bulan sekian....” *Fuqahā'* telah membincangkan tentang lafaz talak yang dita'liqkan dengan masa seperti yang disebutkan dalam contoh di atas. Persoalan yang dibincangkan adalah tentang bila jatuhnya talak itu. Kebanyakan mereka sepakat mengatakan talak jatuh pada permulaan malam awal bulan yang disebutkan atau pertengahan bulan atau akhir bulan tersebut. Dalam soal ini Ibn Hazm tetap mengatakan talak tidak jatuh.⁴⁸

1.8.5 Ta'liq dengan Syarat yang Tidak diketahui atau Tidak Wujud.

Kebanyakan *fuqahā'* mengatakan ta'liq sedemikian tidak jatuh talak.⁴⁹

1.9 Peruntukan Cerai Ta'liq dalam Perundangan di Negara Timur Tengah

Beberapa negara Islam di Timur Tengah telah memakai peruntukan cerai ta'liq dalam perundangan mereka. Kebanyakannya lebih cenderung kepada pandangan tidak mengharuskan cerai ta'liq. Contohnya seperti Mesir, Syiria dan lain-lain. Dalam '*al-Mudhakkirah al-Idahiyah*' ada menyebut mengenai ta'liq talak sebagai ulasan terhadap Undang-Undang Keluarga Islam Mesir. No. 25.

Perkara 2. Tahun 1929.⁵⁰

"Tidak jatuh talak yang tergantung apabila dimaksudkan bagi melakukan sesuatu perkara atau meninggalkannya."

Dinyatakan lagi dalam *al-Mudhakkirah* sebagai ulasan kepada Qanun Mesir⁵¹

"Jika tujuan orang berta'liq talak untuk menakutkan atau melakukan sesuatu atau meninggalkan sesuatu, sedangkan dia tidak bertujuan untuk menjatuhkan talak, kedudukannya seperti sumpah dengan talak. Iaitu tidak jatuh talak. Sebaliknya jika dia memang berniat untuk menjatuhkan talak, bila berlaku syarat yang disebutkan, tidak dikira sumpah bahkan jatuh talak."

Qanun Mesir membahagikan talak kepada dua sebagaimana yang telah disebutkan dalam *al-Mudhakkirah al-Idahiyah* yang menerangkan secara terperinci keseluruhan peruntukan yang terdapat di dalamnya.⁵²

"Talak terbahagi kepada dua. Talak langsung dan talak tidak langsung. Talak secara langsung ialah talak yang dilafazkan oleh suami tanpa sebarang syarat atau ta'liq. Talak seperti ini dipakai dan jatuh talak. Talak tidak langsung dikenali dengan *talāq al ta'liq* yang dimaksudkan untuk menakut-nakutkan isteri atau mendesak isteri supaya melakukan sesuatu perkara atau meninggalkan sesuatu perbuatan, sedangkan tujuan sebenarnya bukan untuk menceraikannya. Maka talak jenis ini termasuk dalam sumpah talak (*al-yamin bi al-talāq*). Sumpah

dengan talak atau seumpamanya adalah sia-sia dan tidak mempunyai sebarang kesan.”

Ketiga-tiga peruntukan di atas nampaknya lebih cenderung kepada pandangan Ibn Taimiyyah⁵³ sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini dan ia nampaknya lebih masyhur mendapat tempat dalam perundangan Islam di Timur Tengah. Perkara yang seumpama itu terdapat juga di Syiria dalam Undang-Undang Keluarganya;⁵⁴

“Ta’liq talak tidak dikira dan ianya tidak sah.”

Di Sudan juga terdapat peruntukan yang menyentuh permasalahan ta’liq yang bermaksud,⁵⁴

“Talak yang dita’liqkan dengan sesuatu adalah tidak jatuh dan ianya sia-sia (*lagħā*).”

Di Maghribi juga ada menyebut hal yang sama bermaksud.⁵⁵

“Talak yang dita’liqkan tidak jatuh sama ada berta’liq meninggalkan sesuatu atau melakukan sesuatu.”

1.10 Pensyariatan Talak dan Ta’liq Talak Mengikut Hukum Syarak

Allah s.w.t mengingatkan umat Islam dalam firman-Nya mengenai talak sebagai sebenci-benci perkara halal. Ini sebagai petanda menunjukkan bahawa talak adalah suatu perkara yang tidak disukai di sisi syarak, lebih-lebih lagi apabila talak itu disalahgunakan atau dijatuhkan dengan sewenang-wenangnya tanpa sebab yang munasabah. Namun keperluan terhadap talak tidak dapat

isteri dan isteri tidak menghiraukan suami sehingga tidak lagi menjadi inspirasi untuk kebahagiaan rumah tangga. Berbagai-bagi masalah sering berlaku dalam rumah tangga sehingga menyebabkan pasangan suami isteri masing-masing hidup bersendirian, tidak bertemu sapa atau mereka sentiasa bergaduh sehingga keperingkat yang tidak lagi boleh didamaikan. Dalam keadaan sedemikian, Allah s.w.t telah berfirman mengajarkan umat Islam yang menghadapi saat genting sedemikian agar mengambil jalan keluar untuk menyelesaikan masalah sebagaimana firman-Nya:

فَإِمْسِكُوهُنَّ يَعْرُوفُ أَوْ سَرِّهُنَّ
يَعْرُوفٌ وَلَا تُمْسِكُوهُنَّ حِرَارًا لِتَعْتَدُوا وَمَنْ يَقْعُلْ ذَلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ
ذَلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ

bermaksud:

“Maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik. Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula) dengan maksud memberi mudarat kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka). Dan sesiapa yang melakukan demikian, maka sesungguhnya dia telah menzalimi dirinya sendiri.”

Surah al-Baqarah (2) : 231

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa dalam perkahwinan bukan selalunya membawa kebaikan. Ada ketikanya bercerai lebih baik dari bersatu dalam rumah tangga yang kacau bilau. Dalam hubungan ini, Allah s.w.t berfirman:

وَإِنْ شَنِيلُخُوا وَتَقْرُبُوا فِيْنَ اللَّهُ كَانَ غَفُورًا
رَّحِيمًا ﴿١١﴾ وَإِنْ يَتَغَرَّبَا يَقْنُنَ اللَّهُ كُلُّا مِنْ سَعْبِهِ وَكَانَ اللَّهُ وَسِعًا
حَكِيمًا

bermaksud:

“Dan jika kamu memperbaiki (keadaan perhubungan suami isteri yang pincang itu) dan memelihara diri (dari perbuatan zalim). Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Dan jika kedua-dua suami isteri (terpaksa) bercerai maka Allah akan memberi kelapangan bagi mereka dengan kurniaannya dan sesungguhnya Allah amat luas kurnian-Nya lagi Maha Bijaksana.”

Surah al-Nisa' (4) : 129

Ayat tersebut membuktikan bahawa perceraian adakalanya boleh membawa kebaikan kepada pasangan yang tidak mampu meneruskan perkongsian hidup. Perceraian bagi mereka adalah suatu rahmat yang melaluinya masing-masing akan terlepas dari kesengsaraan. Talak yang disarankan oleh syarak adalah talak yang benar-benar lahir dari keazaman hati untuk berpisah kerana tidak ada jalan lain untuk keluar dari kesengsaraan hidup untuk berumah tangga.

Ini bererti dalam keadaan keperluan terhadap perceraian kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, syariat Islam mengharuskan. Ini dibayangkan dalam al-Qur'an dengan firman Allah s.w.t:

وَإِنْ عَزَمُوا الظَّلَاقَ قِبْلَةَ اللَّهِ تَسْمِيعُ عَلَيْهِ

bermaksud:

"Dan jika kamu berazam untuk bercerai, sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

Surah al-Baqarah (2) : 227

Demikianlah keadaan menunjukkan konsep talak yang disarankan oleh syarak. Apabila keazaman untuk bercerai sudah memuncak, maka tidak menjadi halangan dalam Islam. Begitu juga dengan ta'liq talak. Jika sudah ada keazaman untuk berta'liq kerana sesuatu keperluan maka diharuskan berta'liq. Namun demikian talak dan ta'liq talak hendaklah dilakukan dengan penuh tanggungjawab bukan dilakukan secara main-main atau secara tertekan atau dipaksa oleh keadaan. Ia memerlukan kesahaman yang jelas tentang hakikat dan akibatnya.

Apabila dirujuk kepada permasalahan talak dalam kitab-kitab fiqh keseluruhannya berkaitan dengan suami yang melafazkan ta'liq ke atas isteri bertujuan melarang isteri dari melakukan sesuatu. Seperti kata suami "Jika kamu bercakap dengan lelaki itu maka tertalaklah kamu." atau mengaitkan berlaku talak dengan sesuatu kejadian seperti "Jika hujan turun tertalaklah kamu." Amat jarang sekali terdapat contoh-contoh lafaz ta'liq yang menyentuh diri suami. Seperti kata suami "jika saya tidak memberi nafkah kepada awak maka tertalaklah awak." Kebanyakan contoh lafaz-lafaz ta'liq merupakan pengajaran atau ugutan kepada isteri agar tidak melakukan sesuatu yang tidak disukai olehnya.

Contoh-contoh lafaz ta'liq yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh menunjukkan kewajarannya kerana ia dikaitkan dengan suatu suasana yang memerlukan kepada ta'liq. Ini sudah menjadi suatu keperluan dan mempunyai nilai pengajaran yang tertentu demi kebaikan rumah tangga. Walaupun talak dan

ta'liq menjadi keperluan dalam keadaan-keadaan tertentu, namun kedua-duanya tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya. Ia adalah suatu perkara yang amat berat dan amat perlu dijaga oleh suami dengan baik. Lafaz-lafaz tersebut tidak boleh digunakan untuk menéuba-cuba atau berjenaka. Ianya akan tetap menjadi serius. Bila tiba waktu benar-benar diperlukan kepada lafaz itu untuk menyelesaikan masalah yang tidak boleh diselesaikan dengan jalan lain selain dari talak dan setelah difikirkan semasak-masaknya barulah digunakan lafaz talak.

Oleh kerana talak merupakan perkara yang dibenci oleh Allah maka ia tidak boleh dipermain-mainkan dan hendaklah sedaya upaya dielakkan. Sehubungan dengan ini Rasulullah s.a.w pernah mengingatkan dalam sabda baginda:⁵⁶

تَلَاثٌ جِدُّهُنْ جِدٌ وَهُزْلُهُنْ جِدٌ النِّكَاحُ وَالْطَّلاقُ وَالرُّجُوعُ

bermaksud:

“Tiga perkara yang sesungguhnya menjadikannya sungguh dan mempermankannya sungguh, nikah, cerai dan memerdekaan hamba.”

Maksud hadith di atas menjelaskan bahawa tetap akan menjadi sungguh-sungguh walaupun dengan cara main-main atau bergurau. Oleh demikian, talak hendaklah dipelihara dengan baik walaupun ianya harus dan boleh dilafazkan. Begitu juga dengan lafaz cerai ta'liq.

Kesimpulan

Secara umumnya, perselisihan pendapat di kalangan ulama tentang hukum cerai ta'liq adalah berpunca daripada tidak adanya *nas* yang jelas dari al-Qur'an dan al-sunnah yang menggambarkan secara khusus tentang hukum cerai ta'liq sama ada ianya diharuskan ataupun tidak. Ianya ditimbulkan oleh keadaan yang berubah-ubah. Ulama yang berselisih pendapat itu pula bukanlah ulama sezaman. Tetapi mereka yang hampir sezaman kebanyakannya sepandapat sama ada yang dahulu ataupun yang kemudian.

Ini menunjukkan bahawa cerai ta'liq adalah masalah *ijtihādiyyah*. Setiap *Mujtahid* mempunyai pandangannya tersendiri tentang masalah ini mengikut tabiat hukum *ijtihādiyyah*. Ia akan berubah dari zaman ke zaman mengikut kemampuan ulama. Ulama dahulu di zaman timbulnya Fiqh Hanafi, Maliki, Syaf'i, Hanbali dan lain-lainnya lebih cenderung mengharuskan cerai ta'liq sebagaimana dalam kitab-kitab mereka. Akan tetapi, jika dilihat di zaman ini khususnya pandangan-pandangan ulama yang muktabar seperti Syeikh Mahmūd Shaltūt, Dr. 'Abdul Salam Madkūr serta penggubal Undang-undang Keluarga Islam di beberapa negara Islam Di Timur Tengah seperti Mesir, Syria dan lainnya, mereka lebih cenderung kepada tidak mengharuskan cerai ta'liq.

Perbezaan pendapat sebegini adalah lumrah dalam fiqh Islam bagi masalah-masalah yang mempunyai ruang untuk melakukan *ijtihād* dari nas-nas yang terang dan umum. Suasana persekitaran juga memainkan peranan dalam menentukan hukum *ijtihād*. Kalau suasana di zaman ulama dahulu menghendaki

kepada keharusan berta'liq sebaliknya suasana di zaman mutakhir lebih anjal. Sesetengah tempat tidak lagi memerlukan ta'liq talak dalam perundangan mereka. Kenyataan ini dapat kita lihat sepetimana yang berlaku di kalangan penggubal Undang-undang Keluarga Islam di beberapa negara Islam yang lain. Mereka telah sepakat tidak mengharuskan ta'liq talak dalam peruntukan undang-undang.

Namun apa yang perlu diperhatikan, ta'liq talak yang wujud dalam situasi zaman ulama dahulu dan dalam perundangan Timur Tengah seperti yang dibincangkan jauh berbeza dengan apa yang berlaku di Malaysia sekarang. Ini memungkinkan wujudnya pandangan-pandangan lain dari ulama sesuai dengan perubahan situasi dan keperluan masyarakat Islam di negara ini.

Perbicaraan *Fuqahā'* dahulu mengenai ta'liq talak secara keseluruhannya merujuk kepada lafadz talak oleh suami dengan pilihannya kerana sesuatu sebab atau niat yang dia seorang sahaja mengetahuinya dan ia merasakan amat perlu berta'liq mungkin untuk memperbaiki perangai isterinya yang tidak menyenangkan ataupun memang dia hendak menceraikan isterinya melalui ta'liq.

Sebagai rumusan tentang keperluan cerai ta'liq yang berlaku dalam peraturan undang-undang yang tetapkan di negara ini, seorang hakim mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan telah membuat penjelasan. Penjelasan ini dapat dilihat dalam kes *Aisny bt. Mohd Daris* lawan *Hj. Fahro Rozi Bin Mohdi*.⁵⁷ Beliau menegaskan bahawa cerai ta'liq tidak wajib mengikut undang-undang Islam tetapi harus selama mana tidak bercanggah dengan undang-undang Islam. Alasannya

daripada mempermain-mainkan talak. Ia juga sebagai memberi peringatan kepada suami agar tidak mengabaikan tanggungjawab terhadap isteri.

3

¹ Al-Syaikh Syaltūt dan al-Syaikh 'Ali Ilyās (1953), *Muqāranah al-Madhabib fī al-Fiqh*, Qāhirah: Dār al-Nahdah, h.103.

² Wahbah al-Zuhaylī (1989), *Al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuhu*, J. 7, C.3. Damsyik: Dār al-Fikr, h.444.

³ Ibid.

⁴ Ibid. h.445. Badrān Abu al-'Aynayn Badrān (1985), *Al-Ziwāj wa al-Talāq fī al-Islām Muqāranah baynā al-Madhāhib al-'Arba'ah*, Muassasah syabāb al-Jāmi'ah, h.331.

⁵ Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h.444. Hassan Salleh (1989), *Asas Kekeluargaan Islam. Bahasan Empat Mazhab*, C.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.155.

⁶ Badrān Abu Al-'Aynayn Badrān, (1985), *op.cit.*, h.331. Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h.445.

⁷ Abi Zakaria Maḥyū al-Dīn al-Nawawī (T.T.), *Al-Majmū' Syarḥ al-Muhādhab*, J.17. Qāhirah: Dār al-Fikr, h.164-205.

⁸ Al-Syaikh Muhammad al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *Muğhnī al-Muhtāj*, J.3. Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, h.313-319.

⁹ Sayid Abī Bakar al-Dāmitī (T.T.), *Hāsiyah l'ānah al-Tālibīn 'alā ḥilli olfāz fatḥ al-Mu'īn*, J.4. Maktabah wa matba'a ah Sulaymān al-Mar'iī, h.22.

¹⁰ Ibn Rusyd (1994), *Mulhaq al-Muknawah al-Kubrā*, J.5.C.1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, h.328.

¹¹ Ibid.

¹² Ibn al-Taymiyah (1988), *Al-Fatāwā al-Kubrā*, J.3. Beirut: Dār al-Ma'rīfah, h.83.

¹³ Ibn Rusyd (T.T.), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtashid*, J.1. T.T.P: Dār al-Fikr, h.59. Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h.445. Badrān Abu al-'Aynayn Badrān (1985), *op.cit.*, h.331. Lihat Muhammad Abū Zahrah (1957), *Al-Ahwāl al-Syakhsiyah*, T.T.P: Dār al-Fikr 'Arabi, h.318.

¹⁴ Ibn Rusyd, *Ibid.* h.59. Wahbah al-Zuhailī, *Ibid.* h.445.

¹⁵ Muhammad Abū Zahrah, *op.cit.*, h.320.

¹⁶ *Ibid.* h.320.

¹⁷ *Ibid.* h.319.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Muhammad Abū Zahrah (1957), *op.cit.*, h.332. Ibn al-Taymiyah (1988), *op.cit.*, h.81.

²⁰ *Ibid.* Al-Syaikh Syaltūt dan al-Syaikh 'Ali Ilyās (1953), *op.cit.*, h.103.

²¹ Mahmud Syaltūt (1972), *Al-Fatāwā*, Qāhirah: Maktabah al-Nahdah, h.299. 'Abdul Salam Madkur (1969) *Aḥkam al-Usrah Fī al-Islām*, Qāhirah: Dār al-Ittiḥād al-'Arabi, h.175. Ibn Hazm (T.T.), *Al-Muḥallā*, J.10. Beirut: Al-Maktab al-Tijārī, h.144. Muhammad Abū Zahrah (1957), *op.cit.*, h.332, Ibn al-Taymiyah (1988), *op.cit.*, h.81.

²² Badrān Abu al-'Aynayn Badrān (1985), *op.cit.*, h.323. Muhammad Abū Zahrah (1957), *op.cit.*, h.332.

²³ Ibn al-Taymiyah, (1988), *op.cit.*, h.80. Lihat Ibn Rusyd (1994), *op.cit.*, h.326.

²⁴ Ibn al-Taymiyah (1988), *Ibid.*

²⁵ Ibn Rusyd (1994), *op.cit.*, h.325.

²⁶ Muṣṭafā al-Marāghī (1953), *Tafsīr al-Marāghī*, J.4.C.2. Qāhirah: Muṣṭafā al-Bābī al-halabī, h.32.

Lihat Harun Din (1990), *Talāq Talak; Antara Hukum Fiqh dan Hukum Kanun*, C.1. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd, h.31.

²⁷ Ibn Rusyd (1994), *op.cit.*, h.325.

- ²⁸ Wahbah al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, h.448.
- ²⁹ Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (1989), *Fath al-Bari*, J.4.C.1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 569
- ³⁰ Abī Zakaria Mahyū al-Dīn al-Nawawī (T.T), *Al-Majmū' Syarḥ al-Muhaddith*, J.18 Qāhirah: Dār al-Fikr, h.152.
- ³¹ Badrān Abū al-'Aynayn Badrān (1985), *op.cit.*, h.337.
- ³² Mahmud Syaltūt (1972), *op.cit.*, h.448.
- ³³ Wahbah al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, h.448
- ³⁴ Ibn Ḥazm (1988), *Al-Muḥkīlā bi al-Āthār*, J.9 Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h.476. Wahbah al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, h.449
- ³⁵ Hadith Riwayat Ibn Umar, Abū Ḥusin Muslim (1988), *Sahīh Muslim bi Syarḥ al-Nawawī*, J.7 C.4. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi, h.103.
- ³⁶ Wahbah al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, h.449-450.
- ³⁷ *Ibid.*
- ³⁸ Al-Syaikh Shaltūt dan al-Syaikh 'Ali Ilyās (1953), *op.cit.*, h.105. 'Abdul Rahmān Tāj (1954), *Aḥkām al-Āḥwāl al-Siyahiyah fi al-Syā'i'ah al-Islāmiyah*. Qāhirah: Dar al-Kutub 'Arabi, h.299. Harun Din (1990), *op.cit.*, h.38
- ³⁹ Ibn al-Taymiyah (1988), *op.cit.*, h.6. Wahbah al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, h.450.
- ⁴⁰ Abū Ḥusin Muslim (1988), *op.cit.*, h.114.
- ⁴¹ Wahbah al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, h.451
- ⁴² Ibn Taimiyah (1988), *op.cit.*, h.6
- ⁴³ Ibn Rusyd (T.T), *op.cit.*, h.59.
- ⁴⁴ Al-Syaikh Muḥammad al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, h.325.
- ⁴⁵ *Ibid.*
- ⁴⁶ *Ibid.* h.319.
- ⁴⁷ *Ibid.* h.322.
- ⁴⁸ *Ibid.* h.313.
- ⁴⁹ Ibn Rusyd (T.T), *op.cit.*, h.56.
- ⁵⁰ Mu'aawid 'Abdul Tawwāb (1982), *Al-Wasit*, Qāhirah: 'Alim al-Kutub, h.117.
- ⁵¹ Badrān Abu Al-'Aynayn Badrān (1985), *op.cit.*, h.323. Muḥammad Abū Zahrah (1957), *op.cit.*, h.340.
- ⁵² Mu'aawid 'Abdul Tawwāb (1982), *op.cit.*
- ⁵³ Harun Din, *op.cit.*, h.80.
- ⁵⁴ *Ibid.*
- ⁵⁵ *Ibid.*
- ⁵⁶ Hadith riwayat al-Tirmizi dan Ibn Majah, Kitab al-Talaq wa al-Li'an, Imam al-Hafiz Abī al-'Ula Muhammād 'Abdul Rahmān bin 'Abdul Rahīm al-Mubārak Fūrī (1965), *Tuhfah al-Āhwāzī*, J.4. Madinah: Maktabah Salasiyah, h.362.
- ⁵⁷ Jurnal Hukum, J.VII.Bhg.II, Julai 1991, h.222.